

BAYAN LINNAS SIRI KE 184: TABAYYUN DALAM PENERIMAAN DAN PENYAMPAIAN BERITA



Mukaddimah

Mutakhir kini, dalam era globalisasi yang serba maju, seiring dengan kecanggihan teknologi global, tidak menjadi satu kemustahilan dan kesukaran bagi seseorang untuk menyebarkan sesuatu maklumat untuk disampaikan kepada masyarakat. Bahkan manusia kini lebih banyak berinteraksi kepada alam maya yang terkumpul didalamnya limpahan berita yang diperoleh melalui pelbagai saluran seperti surat khabar, majalah, Media massa (WhatsApp, Facebook, Instagram, YouTube) dan sebagainya. Taip sahaja kata kunci pada enjin carian internet, setiap perincian maklumat yang diperlukan akan dipamerkan. Isunya, adakah maklumat yang mudah untuk diperoleh ini, mampu untuk ditapis dan dipastikan kebenarannya?. Jika perkhawaran itu merupakan satu kebenaran, maka ia adalah baik bagi yang menerimanya, namun jika ia adalah sebaliknya maka pasti mengundang kepada permusuhan dan perselisihan.

Kehidupan bermasyarakat pada hari ini tidak lekang daripada membincangkan isu-isu semasa sebagai bahan gosip dan hujah dalam mengadu domba diantara manusia. Keadaan ini diperkeruhkan dengan kehadiran sekelompok masyarakat yang menjadikan gosip dan aib orang lain sebagai bahan dagangan untuk mengaut keuntungan dunia dalam meraih populariti. Akhirnya,

masyarakat akan hidup dalam keadaan bermusuhan dan kucar kacir.

Kita sering terlupa bahawa Allah SWT berpesan di dalam firmanNya bahawa umat Islam perlu bersikap hati-hati dengan cara meneliti dan mencari bukti yang berkait dengan isu mengenai sesuatu tuduhan atau hal yang menyangkut tentang identiti seseorang. Adab atau sikap yang terkait dengan "*tabayyun*" ini ditekankan agar kita tidak terjerumus dalam kancah fitnah termasuk juga mengelakkan daripada mendengar atau membaca berita yang membahaskan keaiban dan membahayakan pemikiran. Demikianlah akhlak dan prinsip al-Quran untuk sentiasa bersangka baik dan tidak gopoh dalam membuat kesimpulan akan sesuatu perkhabaran.

Justeru penulisan bagi kali ini bertujuan untuk menyebarkan kefahaman dalam memahami konsep *tabayyun* dalam menerima segala berita dan maklumat, seterusnya diharapkan penulisan ini dapat dihayati dan sedikit sebanyak memberi kefahaman.

Definisi *Tabayyun*

Tabayyun merupakan perkataan yang berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud *menthabitkan* dan menyemak asas kebenarannya. Berita atau sebarang maklumat yang diterima seharusnya diteliti dan dipastikan terlebih dahulu kebenarannya dan ketepatan informasi bagi mengelakkan sebarang agenda atau perkara yang tidak baik berlaku seperti fitnah, menipu dan memburukkan seseorang yang lain berlandaskan hawa nafsu dan sifat kebencian. Perintah untuk "*tabayyun*" merupakan perintah yang sangat penting agar kita dapat mengelakkan dari berprasangka.

Imam Asy-Syaukani rahimahullah berkata,

"Yang dimaksud dengan *tabayyun* adalah memeriksa dengan teliti dan yang dimaksud dengan *tatsabbut* adalah berhati-hati dan tidak tergesa-gesa, melihat dengan keilmuan yang dalam terhadap sebuah peristiwa dan kabar yang datang, sampai menjadi jelas dan terang baginya." (Lihat kitab ***Fathul Qadir***, 5:65)

Syariat *Tabayyun*

Allah SWT memerintahkan supaya menyelidik serta mendapat kebenaran berita yang disampaikan seseorang. Ini kerana bagi mengelak daripada terjadinya perkara yang tidak diinginkan berlaku. Allah SWT menjelaskan perkara ini di dalam al-Quran,

firmanNya:

??? ?????????? ?????????? ?????????? ??? ?????????????? ??????????
 ?????????? ?????????????????????? ??? ?????????????? ?????????? ??????????????????
 ?????????????????? ?????????? ??? ?????????????????? ??????????????????

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”*

Syeikh al-Maraghi dalam mentafsirkan ayat ini menyatakan bahawa. Allah SWT telah mengajar hambanya supaya beradab mulia dalam soal agama ataupun dunia. Dan berhubung dengan perkara itu, apabila seseorang yang fasik datang memberitahu sesuatu berita yang bertentangan dengan syiar agama. Oleh itu jangan mempercayai beritanya itu melainkan dengan menyelidik serta menelitinya dahulu. (Lihat: **Tafsir al-Maraghi**, 26/126)

Syeikh Ali al-Sobuni di dalam tafsirnya menyatakan jika datang kepada kamu seorang lelaki fasiq yang mana ia tidak boleh dipercayai dengan kebenaran dan keadilannya, dengan apa yang diberitakan, maka hendaklah kamu menyemak akan kesahihan beritanya itu. Ini supaya kamu tidak menghukum atau menuduh sesuatu kaum sedangkan kamu jahil tentang hakikat sebenar. Ketika itu, jadilah kamu menyesal tak sudah atas perbuatan kamu. (Lihat: Sofwah al-Tafasir, 3/216)

Dr. Wahbah Zuhaili dalam mentafsirkan ayat di atas menyatakan: Allah SWT menyeru kepada umatnya yang beriman, apabila datang orang fasik menyampaikan berita sebaiknya mencari kebenaran berkenaan dengan berita itu dan janganlah terlalu cepat menghukumnya dan menyebarnya. Ini kerana takut akan keburukan dan perkara yang tidak diingini berlaku di atas keputusan yang salah serta memberi kemudharatan ke atas orang lain. (Lihat: **al-Tafsir al-Munir oleh Dr.Wahbah al-Zuhaili**, 26/227)

Akibat Tidak Tabayyun

Tidak bertabayyun di dalam sesuatu berita itu boleh menyebabkan terjadinya prasangka yang buruk berlaku di kalangan masyarakat serta keadaan yang kurang tenang. Allah SWT melarang daripada melakukan perbuatan ini sepertimana firmannya:

?????????? ?????????????? ?????????? ?????????????????? ?????????? ??????
 ?????????? ??????? ?????????? ?????????????? ?????????? ??????????
 ?????????????????? ?????????? ?????????????? ??????????????????

???????? ? ?????????? ?????????????? ??? ?????????? ???????
????????? ?????????? ?????????????????????? ? ??????????????
???????????? ? ?????? ?????????????? ????????????? ????????????

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani.*

(Surah al-Hujurat, 12)

Syeikh Abdul Rahman al-Sa'di mentafsirkan akan di atas bahawa Allah SWT melarang berprasangka buruk terhadap saudara muslimnya. Dengan sebab berprasangka buruk ini akan menyebabkan berlaku pengumpatan dan mencerca. Melakukan perkara yang diharamkan sehingga tertanam di dalam hatinya perasaan yang buruk terhadap rakan muslimnya dan menimbulkan permusuhan sesamanya. (Lihat: **Tafsir al-Sa'di**, 1/801).

Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya mengetahui kebenaran sesuatu berita yang disampaikan. Ia bagi menjaga ikatan persaudaraan sesama muslim itu satu perkara yang harus dititik beratkan. Firman Allah SWT di dalam al-Quran:

????????????????? ?????????????? ?????????????? ?????????????? ???????
????????????????? ?????????????????? ?????????????? ?????????????? ??????????????
????? ?????????? ?????????????? ?????????????? ?????????? ??????????????????
????????????????????? ?????????????????? ?????????????????? ?????????????????? ??????????
????????? ?????????????? ??????? ?????????????? ?????????????????????? ??????????????
? ?????????????? ?????????????????? ?????????????? ?????????? ??????????????
????????????????????? ??????????????????

Maksudnya: *Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (ugama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka jadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan*

kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keteranganNya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya

(Surah ali-Imram, 103)

Oleh itu penelitian di dalam menerima sesuatu berita itu mestilah diambil berat bagi memastikan kebenarannya. Ini supaya dapat mengelak daripada berlakunya penyebaran berita palsu dan perbuatan ini akan mendatangkan kemurkaan Allah SWT serta tergolong dalam golongan yang pendusta. Sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Hafs bin Asim RA, sabda Nabi SAW:

????? ?????????????? ?????????? ?????? ?????????????? ?????????? ???
?????????

Maksudnya:*Cukuplah bagi seseorang itu digelar pendusta apabila menceritakan semua yang didengarinya (tanpa tabayyun)*

Riwayat Muslim (5)

Adab Menyampaikan Berita

Dalam menyampaikan berita, seseorang itu harus bertanggungjawab dalam segala ucapan dan penyampaianya. Oleh itu seharusnya berhati-hati dalam setiap aspek yang dilakukannya. Hal ini kerana Allah SWT memandang berat terhadap perbuatan ini dan Nabi SAW memperingati umatnya supaya berhati-hati di dalam menyampaikan sesuatu berita seperti hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, sabda Nabi SAW:

????? ?????????????? ?????????????????? ?????????????????? ??? ??????
?????? ?????????????? ?????????? ?????? ?????????????? ?????????????? ???
?????????????

Maksudnya: *“Sesungguhnya seseorang terkadang berbicara dengan kata-kata yang dia sangkakan tidak mengapa, lalu (tanpa diduga) dia terjerumus dengan sebabnya ke dalam neraka (yang kedalamannya) sejauh perjalanan tujuh puluh tahun.”*

Riwayat al-Tirmizi (2314)

Selain itu, berita yang disampaikan itu mestilah benar serta tidak akan mengundang kepada keaiban dan pembohongan. Ini supaya tidak mengundang kemurkaan daripada Allah SWT dan berlaku kekacauan di dalam masyarakat. Firman Allah SWT:

?????? ?????????????? ?????????? ?????????????????? ?????????????? ??????????????
 ? ??? ?????????????????? ?????????? ?????????????? ?????? ?????? ??????????
 ?????????? ? ?????????????? ?????????????? ?????????????? ?????? ?????????????????? ??????
 ?????????????????? ?????????????????? ?????????????????? ?????????????????? ?????????????????? ??????
 ?????????????? ??????????????

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang membawa berita yang amat dusta itu ialah segolongan dari kalangan kamu; janganlah kamu menyangka (berita yang dusta) itu buruk bagi kamu, bahkan ia baik bagi kamu. Tiap-tiap seorang di antara mereka akan beroleh hukuman sepadan dengan kesalahan yang dilakukannya itu, dan orang yang mengambil bahagian besar dalam menyiarkannya di antara mereka, akan beroleh seksa yang besar (di dunia dan di akhirat).*

(Surah An-Nur, 11)

Kaedah Menerima Berita

Akhlak dan prinsip yang terkandung di dalam al-Quran mengajar manusia sentiasa bersangka baik dan tidak terburu-buru dalam membuat kesimpulan dalam sesuatu pengkhabaran. Hal ini ditekankan oleh Baginda SAW di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, Sabda Nabi SAW:

?????????????? ?????????????????? ?????????????? ?????????????????? ??????????????
 ?????????????????? ?????????? ?????????????????????? ?????????? ?????????????????????? ??????????
 ?????????????????????? ?????????? ?????????????????????? ?????????????????? ?????????????? ??????????????
 ?????????????????? ?"

Maksudnya: *Jauhilah daripada berprasangka buruk, kerana prasangka buruk merupakan penipuan yang besar. dan janganlah melihat kesalahan orang lain, dan janganlah suka mencari-cari kesalahan orang lain, dan janganlah saling membenci, dan janganlah memutuskan hubungan persaudaraan akan tetapi jadikanlah kalian hamba Allah yang bersaudara.*

Riwayat al-Bukhari (6724)

Allah SWT memperingati bahawa janganlah meyakini sesuatu perkara itu sebelum memastikan kebenarannya. Dan tidak mengikut prasangka dan khabar berita yang buruk. Ini kerana setiap pancaindera dan hati manusia akan diperhitungkan di hari Akhirat kelak. Firman Allah SWT:

???? ?????? ??? ?????? ????? ????? ?????? ??????
????????????? ?????????????????? ?????????????????? ?????? ??????????????????
????????? ?????????? ??????????????????

Maksudnya: *Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.*

(Surah al-Isra', 36)

Syeikh Abdul Rahman al-Sa'di menyatakan "Janganlah mengikuti apa yang tidak kamu ketahui. Bahkan perkara ini bergantung di atas apa yang dikatakan dan dilakukan. Ini kerana setiap perbuatan serta anggota tubuh itu akan di pertanggungjawabkan sama ada dari segi perbuatan atau percakapan. Dan tujuan penciptaannya adalah bertujuan untuk ibadah kepada Allah SWT dan berkerja untuk agama". (Lihat: **Tafsir al-Sa'di**, 1/457)

Oleh itu, memastikan sesuatu pengkhabaran itu merupakan satu tuntutan bagi mengelak terjadinya fitnah dan permusuhan diantara manusia. Satu kaedah yang masyhur ada menyebut:

????? ?????????? ?????????????? ?????????????????? ?????????????????????? ??????????
????????? ?????????????????? ?????????????????? ??????????????????????

Maksudnya: *"Jika sekiranya kamu menyatakan sesuatu hendaklah kamu mensahihkan dahulu berita itu, dan sekiranya kamu mendakwa hendaklah kamu menyatakan dalil atau bukti."*

Selain itu, terdapat kata-kata hukama' yang menyatakan:

????????????? ?????????? ?? ??????????

Maksudnya: *Tinggalkanlah apa yang orang kata, dan apa yang dikatakannya*

Peringatan Oleh Dr. Yusuf al-Qaradhawi

Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi menyatakan di dalam kitabnya "Al-Halal Wa Al-Haram" di mana Rasulullah SAW bersabda:

????????? ?????????? ??????? ?????????????????????? ??????????????????????

???????????????????? ??????? ????????????????????? ??????????????
???????????????????? ?????????????

Maksudnya: *Sejahat-jahat hamba Allah SWT ialah mereka yang berjalan membawa mulut, iaitu mengadu domba, yang suka memecah belah antara orang-orang yang berkasih sayang, yang mencatatkan orang-orang yang suci dengan kata-kata yang jahat.*

Riwayat Imam Ahmad

Pada hakikatnya apabila Islam berperanan untuk melenyapkan permusuhan dan mendamaikan antara dua orang yang berselisih faham, juga membenarkan pendamai itu menyembunyikan apa yang didengar dari kata-kata yang buruk, yang dikatakan seseorang itu kepada yang lain, dan menambah pula kata-kata yang baik dari mulutnya sendiri, yang tidak didengarnya dari salah seorang antara kedua dalam suatu hal atau perkara, kerana hal tersebut dinyatakan di dalam sebuah hadis Nabi SAW bersabda:

???????? ?????????????? ????? ?????????????? ?????????? ?????????????? ??????????
???????????? ?????? ?????????? ????????????

Maksudnya: *“Tidaklah dikira berdusta, sipa yang mahu mendamaikan antara dua orang yang berselisih, lalu dikatakannya segala yang baik-baik atau dia menambah apa yang baik.”*

Islam sangat marah terhadap orang yang gemar mendengar perkataan yang buruk, lalu segera menyampaikan kepada orang lain untuk bermusuhan-musuhan atau kerana ingin menimbulkan fitnah, atau bertujuan untuk memporak perandakan hubungan antara satu sama yang lain supaya hancur binasa.

Orang seperti ini tidak hanya cukup untuk menyampaikan apa yang didengarnya sahaja, malahan perasaan ingin memporak perandakan yangad apada diri mereka itu akan mendorong mereka untuk menambah sesuatu benda yang lain daripada apa yang mereka dengar, iaitu dengan mencipta sesuatu yang tidak didengarnya itu.

????? ?????????????????? ?????????????? ??????????????????, ?????????? ??????????????
????????? ?????????????????? ?????????? ?????? ?????????????????? ??????????????

Maksudnya: *“Jika dengar baik mereka sembunyikan, sebaliknya dengar yang buruk mereka hebahkan, jika tidak dengar, lalu dusta.”*

Suatu ketika seorang lelaki datang kepada Umar bin Abdul Aziz RA, lalu dia menyampaikan

sesuatu yang tidak baik tentang seorang temannya. Lalu Umar bin Abdul Aziz RA berkata kepadanya: Sekarang kami terpaksa menyiasat perkara ini! Jika kamu dusta, maka kamu termasuk dalam golongan orang yang dinyatakan dalam firman Allah SWT:

??? ?????????? ?????????? ?????????? ??????????????????

Maksudnya: *“Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa suatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya.”*

(Surah al-Hujurat: 6)

Jika sekiranya kamu bercakap benar, maka kamu tergolong dalam kumpulan orang yang dikatakan dalam firman Allah SWT:

?????????? ??????????? ???????????

Maksudnya: *“Yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah belahkan orang ramai)”*

(Surah al-Qalam: 11)

Tetapi, jika kami memaafkan kamu dengan syarat kamu tidak akan melakukannya lagi? Lelaki itu menjawab: Maafkan sahaja, hai Amirul Mukminin, saya tidak akan mengulangnya lagi perbuatan itu. (Lihat: ***al-Halal wa al-Haram fi al-Islam***, 604-606)

Adab Menulis dan Menerima Berita

Kemelut pada zaman ini menyaksikan fitnah dan penyampaian berita sudah berkembang dengan pantas melalui media sosial yang membolehkan sesiapa sahaja melayarinya dan menerima berita di seluruh dunia pada sepanjang masa.

Kecanggihan pelbagai alat komunikasi dibantu media sosial seperti WhatsApp, Facebook, Twitter, Instagram, blog, dan seumpamanya mempercepat penyampaian segala maklumat dan juga berita. media sosial seperti ini adalah termasuk alat komunikasi bagi memudahkan perhubungan sesama manusia. Hukum asal menggunakannya adalah HARUS jika tujuan dan kaedah penggunaannya tidak melanggar mana-mana hukum syarak. Ini berdasarkan kaedah fiqh, “Asal pada segala sesuatu itu harus.”

Namun, sesetengah masyarakat menggunakan media sosial ini dengan menyampaikan berita dan

juga menerimanya tanpa memeriksa kesahihan sumber dan maklumat dalam berita tersebut. Maklumat atau berita yang diperoleh itu adakalanya membawa kepada perselisihan dan ada juga yang menyatakan kebenaran.

Namun secara pasti, limpahan maklumat pada hari ini yang mudah untuk diperoleh, tidak lagi mampu untuk ditapis dan dipastikan kebenarannya. Segala berita atau perkhabaran yang diperoleh tanpa asas kebenaran dan kepastian yang jitu, dapat mengundang kepada permusuhan dan perselisihan sesama kita.

Oleh itu, khabar yang benar, maklumat yang tepat dapat menjadikan kita sebagai seorang yang mampu untuk menilai, berfikir dan yang paling utama adalah bertindak di atas asas kebenaran yang kukuh dan menepati kehendak umum. Perselisihan yang berlaku akibat daripada kekaburan maklumat atau berita yang diperoleh menjadikan seluruh masyarakat hidup dalam keadaan sentiasa syak wasangka terhadap sesama sendiri, namun lebih mudarat lagi apabila melibatkan keluarga atau kerabat yang terdekat. Inilah bala dan perkara yang mesti di ambil peduli dan sikap yang tegas dalam mencari dan menyampaikan maklumat dan berita yang betul dan tepat.

Menurut kamus Dewan edisi keempat berita bermaksud perkhabaran laporan tentang sesuatu hal atau kejadian.

- Antara Adab dalam menulis dan menyampaikan berita:

1. Tidak tergesa-gesa menyampaikan khabar dan berita tanpa mengetahui selok belok serta kepastian berita tersebut. Hal ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

????? ?????????????? ?????????? ????? ?????????????? ?????????? ???
 ???????

Maksudnya: *“Cukuplah seseorang dikatakan sebagai pendusta apabila dia bercakap mengenai semua yang didengar.”*

Riwayat Muslim (4)

Begitu juga dengan sikap terburu-buru dalam menyampaikan berita, kerana sikap tergesa-gesa itu datang daripada syaitan sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

?????????????? ?????? ?????????? ?????????????????????? ?????? ???????????????????

Maksudnya: *“Ketenangan datangnya dari Allah, sedangkan tergesa-gesa datangnya dari setan.”*

Riwayat al-Baihaqi (20270)

2. Tidak menyampaikan berita dengan tujuan *al-Namimah* (mengadu domba). Sesungguhnya perbuatan *al-Namimah* itu sangat dicela di dalam Islam kerana ianya boleh memecah belahkan masyarakat, sebagaimana larangan Nabi SAW berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Mas'ud RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

????? ?????????????????? ??? ?????????????? ????? ??????????????????
????????????????? ?????????? ??????????????

Maksudnya: "Mahukah aku ceritakan kepada kamu apa itu *al'adhhu* (????????????)? Itulah *namimah*, perbuatan menyebarkan berita untuk merosakkan hubungan antara sesama manusia"

Riwayat Muslim (2606)

Imam al-Nawawi dalam syarahnya menukulkan kata-kata ulama' mengenai makna *al-Namimah*:

????????????????? ?????????? ?????????? ?????????? ?????????????? ??????????
????????? ?????????? ?????????? ?????????????????????? ??????????????????

Maksudnya: "*al-Namimah* adalah menyampaikan perkataan seseorang kepada orang lain dengan tujuan merosakkan hubungan di antara mereka" (Lihat **Syarah al-Nawawi 'ala Sahih Muslim**, 2/112)

3. Penyampaian berita itu tidak membuka aib orang lain. Dalam sebuah hadith daripada Ibn Umar R.anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

????? ?????????????? ?????????????? ?????????????? ?????????????????? ??????????????
????????????? ?????????????????? ?????????? ?????????????????? ?????????????? ??????????????????
????????????????? ?????????????? ??? ?????????? ??????????????

Maksudnya: *Barangsiapa yang mencari-cari aib (atau kelemahan) saudaranya yang muslim, nescaya Allah akan membuka aibnya walaupun dia berada di dalam rumahnya.*

Riwayat al-Tirmizi (2032)

Perbuatan menyebarkan aib orang lain termasuk dalam *sunnah sayyiah* yang berdosa jika diteruskan oleh orang lain. Daripada Jarir bin Abdullah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

????? ?????? ??? ?????????????? ?????????? ?????????????? ???????????
 ?????? ?????????????? ?????????? ?????? ?????????? ?????????? ?????? ??????????
 ?????????? ?????????? ?????????????? ?????? ?????????????????? ?????????????? ??????????
 ?????????? ??? ?????????????????????? ?????????????? ?????????????????? ?????????????? ??????????
 ?????????? ?????????? ?????????????? ?????????? ?????????? ?????? ?????????? ??????????
 ?????????? ?????????????? ?????? ?????????????????????? ??????????????

Maksudnya: *Barangsiapa yang memulakan suatu perbuatan dalam Islam suatu sunnah yang baik, lalu diamalkan orang selepasnya, dituliskan bagi pemulanya pahala orang yang beramal denganya, dan tidak akan berkurang daripada pahala mereka suatu pun, dan barangsiapa yang memulakan dalam Islam suatu sunnah yang buruk, lalu diamalkan orang selepasnya, dituliskan baginya dosa sesiapa yang beramal dengannya, tanpa berkurang dengan satu dosa suatu apa pun.*

Riwayat Muslim (1017)

Berdasarkan hadith ini, sekiranya *sunnah sayyiah* atau perbuatan buruk itu seperti menyebarkan berita palsu itu, disebarkan pula kepada orang lain dan ianya makin berkembang dan bertingkat-tingkat, maka orang yang memulakan perbuatan buruk dan berdosa itu akan menanggung dosa yang dilakukan oleh orang yang lain disebabkan perbuatannya membuka aib orang lain dan menyebarkan berita yang palsu dan tidak benar.

Antara Adab dalam menerima berita:

1. Menyemak berita tersebut serta bertabayyun mengenainya dengan konsep *tabayyun* di dalam Islam. Berita atau sebarang maklumat yang diterima seharusnya diteliti dan dipastikan dahulu kebenarannya dan ketepatan informasi bagi mengelakkan sebarang agenda atau perkara yang tidak baik berlaku seperti menfitnah, menipu dan memburukkan seseorang yang lain berlandaskan hawa nafsu dan sifat kebencian. Perkara ini menjadi salah satu agenda al-Quran di mana Allah SWT berfirman:

??? ?????????????? ?????????????? ?????????????? ??? ?????????????? ??????????????
 ?????????????? ?????????????????????? ??? ?????????????????? ?????????????? ??????????????????
 ?????????????????????? ?????????????? ??? ?????????????????????? ??????????????????????

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik*

gopoh dalam membuat kesimpulan akan sesuatu perkhabaran. Kegagalan mengamalkan dalam menerima dan menyebarkan berita yang tidak berlandaskan syariat Islam dan konsep *tabayyun* akan menatijahkan musibah kepada diri dan ummah sehingga membawa kepada penyesalan diri yang teramat di dunia dan akhirat. Inilah diisyaratkan Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat keenam sebagaimana ulasan di atas.

Justeru dalam berhadapan dengan zaman fitnah ini, dengan bantuan teknologi maklumat begitu canggih masa kini, umat Islam seharusnya lebih berhati-hati dan mengamalkan prinsip *tabayyun* sebelum menyebarkan, menerima, mahupun berkongsi satu-satu berita.

Di samping itu juga, pemberitaan atau perkhabaran yang mudah diterima pada hari ini melalui Facebook, emel, twiter, surat khabar, majalah atau sebagainya tidak pasti akan ketepatan dan kesahihan maklumat.

Tambahan dari itu juga, medium seperti ini juga dijadikan tempat untuk memburukkan seseorang individu, penyebaran berita palsu yang boleh membawa kepada perpecahan dan permusuhan sesama manusia. Oleh itu satu kaedah menyatakan:

???? ?????? ?????????? ?????????????? ?????????????????????? ??????????
????????? ?????????????????? ?????????????????? ??????????????????????

Maksudnya: *“Jika sekiranya kamu menyatakan sesuatu hendaklah kamu mensahihkan dahulu berita itu, dan sekiranya kamu mendakwa hendaklah kamu menyatakan dalil atau bukti.”*

Akhir kalam, kami berdoa kepada Allah S.W.T agar memberikan kepada kita semua kefahaman yang tepat dalam beragama. Ameen.

Isu Perundangan

Seksyen 499 Kanun Keseksaan (Akta 574) mendefinisikan “fitnah” sebagai:

“Barang siapa, sama ada dengan perkataan yang dituturkan atau yang dimaksudkan untuk dibaca atau dengan isyarat, atau dengan pernyataan zahir, membuat atau menyiarkan apa-apa tohmahan mengenai seseorang, dengan maksud hendak merosakkan, atau dengan mengetahui atau dengan ada sebab mempercayai bahawa tohmahan itu akan merosakkan nama baik orang itu, adalah dikatakan, kecuali dalam hal-hal yang dikecualikan kemudian daripada ini, memfitnah orang itu.”

Selain itu, penyebaran maklumat berunsur fitnah atau menjatuhkan maruah orang lain boleh dikenakan tindakan mengikut Kanun Keseksaan. Seksyen 499 turut menghuraikan bahawa:

"Tiadalah apa-apa jua tohmahan dikatakan merosakkan nama baik seseorang, melainkan tohmahan itu, sama ada dengan tepatnya atau tidak, pada hemat orang lain, menjatuhkan watak akhlak atau watak kecerdikan orang itu atau menjatuhkan watak orang itu mengenai kastanya atau pekerjaannya, atau menjatuhkan keamanahan orang itu, atau menyebabkan supaya dipercayai bahawa tubuh orang itu ada dalam keadaan menjijikkan, atau dalam keadaan yang pada amnya dipandang keji."

Manakala Seksyen 500 memperuntukkan hukuman bagi kesalahan fitnah sebagai: *"Barang siapa memfitnah seseorang hendaklah dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang boleh sampai dua tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya."*

Selain itu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Komunikasi Dan Multimedia 1998 (Akta 588) telah memberi amaran kepada orang ramai agar tidak menyebarkan maklumat palsu menerusi media sosial kerana ianya adalah kesalahan di bawah Seksyen 211 Akta tersebut.[\[1\]](#) Seksyen berkenaan memperuntukkan:

Larangan terhadap pemberian kandungan jelik

1. *Tiada pemberi?perkhidmatan?aplikasi?kandungan,?atau?orang?lain?yang?menggunakan perkhidmatan?aplikasi?kandungan,?boleh?memberikankandungan?yang?sumbang,lucah,palsu,?mengancam?atau?jelik?sifatnya?dengan niat untuk?mengacau,?mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang.*
2. *Seseorang?yang?melanggar?subseksyen?(1)?melakukan?suatu?kesalahan?dan?apabila disabitkan boleh didenda tidak?melebihi?lima puluh ribu ringgit?atau?dipenjarakan selama tempoh tidak?melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan?juga?boleh didenda?selanjutnya satu ribu ringgit bagi?setiap?hari?atau?sebahagian?daripada sehari?kesalahan itu diteruskan selepas?pensabitan.*

Kesimpulan

Dalam konsep menerima atau menyampaikan sesuatu berita itu, untuk memastikan kebenaran dan keabsahan sesuatu berita itu mestilah melalui beberapa proses supaya dapat memperhalusi dan meneliti khabar itu. Oleh itu, beberapa faktor-faktor yang patut diambil berat ialah:

- Mestilah berhati-hati di dalam menyampaikan sesuatu berita
- Memastikan tidak akan berlakunya salah faham dan kesalahan dalam fakta yang boleh menyebabkan fitnah
- Memastikan kesahihan dan kebenaran berita yang diterima atau yang akan disampaikan.
- Tidak terburu-buru dalam membuat kesimpulan sesuatu berita
- Menanamkan prasangka yang baik dan menjauhi su'u zhon sesama manusia.

